

CNS1342

U GB 22-01 00164 BA650

AAB

Bosnia - Bantu

MALAYSIA AKAN TERUS BANTU BOSNIA, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus memberi bantuan yang sesuai kepada kerajaan Bosnia-Herzegovina dalam usaha meringankan sedikit kesengsaraan yang sedang dihadapi rakyatnya.

Perdana Menteri telah memberitahu Presiden Bosnia-Herzegovina, Alija Izetbegovic bahawa Malaysia sedia membantu, setakat yang termampunya, kata Menteri Luar, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas perbincangan Dr Mahathir dan Izetbegovic di sini, Abdullah berkata, perbincangan peringkat kementerian dan pegawai kanan kedua-dua negara akan diadakan untuk menentukan butiran terperinci bantuan yang boleh diberikan.

Izetbegovic yang sedang dalam rangka lawatan kerja empat hari ke Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir sebelum mengetahui perbincangan antara delegasi masing-masing selama lebih sejam.

Delegasi Malaysia melibatkan para pegawai kanan daripada Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Luar, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. -- Lagi...

▼22/01/16-34MST

U GB 22-01 00177 BA651

AAB

Bosnia - Bantu 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Yang turut hadir ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar dan Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar selaku menteri pengiring.

Abdullah berkata, perbincangan kedua-dua orang pemimpin itu telah menghasilkan persefahaman yang begitu mendalam terhadap masalah Bosnia-Herzegovina.

Katanya, ia juga telah mempertingkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua kerajaan serta kefahaman mendalam terhadap pendirian Bosnia untuk enggan menerima tawaran perdamaian pada rundingan damai terakhir di Geneva baru-baru ini.

"Kita memahami pendirian mereka dan kita akan terus memberi sokongan kepada mereka di bidang antarabangsa termasuk di persidangan-persidangan yang akan datang," kata Abdullah.

Beliau berkata, Bosnia begitu kesal apabila dituduh negara Barat sebagai penghalang usaha damai di kawasan Balkan itu kerana menolak tawaran yang diusahakan Barat itu.

"Bagaimana mereka hendak menerima, dengan membiarkan tanah yang dirampas diserahkan kepada penceroboh Serbia dan Croatia dan langsung tidak mempunyai laluan keluar ke pantai. Ini bermakna mereka harus menyerah kalah," kata Abdullah. -- Bernama.

MGM KAM.

▼22/01/16-36MST